

# SOSIALISME DALAM ISLAM

Dasar iktisad yang membawa bahagia dan sejahtera kepada penduduk dunia yang dibentuk oleh orang-orang kapitalis “atau, sosialis ataupun” komunis. Tetapi ialah yang telah di bentuk oleh Islam.

Demikianlah pati rencana Fadhilah al-Syeikh Mahmud Abu al-Uyun seorang ilmuan yang terkemuka dan yang menjadi Setiausaha Agong – “Al-Azhar”.

Rencananya yang menghiasi majalah, Al-Hilal keluaran bulan November yang lalu dan bertajuk: “al-Ishtarakiyyah fi al-Islam” adalah diperturunkan di bawah ini.

Sosialisme ialah suatu mazhab yang terkenal menentang masalahat perseorangan.

Mazhab ini walaupun banyak macam coraknya tetapi kesemuanya adalah sekat diri segi siasat iaitu bertujuan meninggalkan masalahat masyarakat ramai di atas masalahat perseorangan, dari segi masyarakat pula kedekatan dari bekerja terus mencipta hak persamaan di antara orang ramai dengan menghapuskan cara berperingkat atau berkelas. Manakala dari segi iktisad pula adalah dia bekerja bersungguh-sungguh menghapuskan kaum modal yang bermaharajalela (kapitalis) dan menghapuskan hak milik perseorangan yang memodali usaha pengeluaran serta menjauhkan cara perlumbaan dalam merebut kekayaan.

Tidak payah rasanya diterangkan dasar komunisme kerana sudah terang diketahui adalah ia satu cara sosialisme yang terlalu kiri. Hanyasanya perbezaan yang besar di antara keduanya ialah tentang jalan melaksanakan tujuan-tujuan itu. Komunisme bekerja dengan kekerasan menghapuskan pengaruh kaum mudal dan mendirikan kekuasaan diktator buruh. Manakala, sosialisme, pula adalah bekerja menjadikan cita-citanya dengan menggunakan cara-cara berlemah-lembut menurut cara-cara yang di lunaskan oleh demokrasi.

-----\*-----\*-----

Di dunia barat pada masa ini menggunakan dua jenis peraturan: pertama “sosialisme modal” iaitu cara

peraturan yang digunakan oleh komunis di Rusia.

Peraturan ini terkenal dengan bahawa dengan kerajaan memiliki perusahaan-perusahaan barat “dan menguasai segala urusannya dengan itu menjadilah bumi, kilang-kilang, jalan-jalan keretapi, perkapalan, perhubungan udara, bank-bank adalah kedudukannya di sana samalah dengan kedudukan jalan-jalan raya dan jalan-jalan kecil yang memperhubungkan segala desa di negeri kita iaitu tidak menjadi hak milik perseorangan atau syarikat-syarikat bahkan dipunyai oleh orang ramai dikelolai oleh orang-orang yang dikaji oleh kerajaan.

Undang-undang yang berjalan di negeri Rusia membenarkan orang-orang tani dan orang-orang mengerjakan pertukangan, atau perniagaan sederhana, mengerjakan pekerjaan-pekerjaan khas yang terlingkung dalam kawasan yang sempit. Undang-undang tersebut membenarkan seseorang memiliki sebuah rumah untuk menjadi tempat tinggalnya. Bukan kerana disewakan kepada orang lain, dibenarkan menanam sebidang tanah, atau menukangi pesawat elektrik umpamanya kerana penggunaan sendiri bukan kerana mendapat hasilnya.

Adapun peraturan jenis kedua yang digunakan oleh dunia barat ialah “Sosialisme Negara” iaitu suatu susunan iktisad yang digunakan sekarang diangkat dan lain-lain kerajaan sosialis. Peraturan yang demikian ini mengkehendaki kerajaan menguruskan segala perusahaan dan syarikat-syarikat besar dengan urusan yang terus menerus,

dan mengkehendaki kerajaan memasukkan modal dengan memegang syer-syer yang melebihi lima puluh persen, dan berkuasa dalam soal pengeluaran hasil dan cara membahagikan keuntungannya kepada pekerja-pekerja dengan pembahagian yang boleh menghapuskan perasaan kezaliman dan hasad dengki, dan mendekatkan persamaan belanja-belanja hidupan di antara pekerja-pekerja dan ketua-ketuanya.

“Sosialisme” yang tersebut ini adalah suatu susunan iktisad yang pertengahan di antara menghalang dasar berhak milik dan menggalaknya, di dalamnya terkandung keadilan masyarakat dengan suatu sukatan yang tertentu.

-----\*-----\*-----

Munasabah dengan ini elok rasanya dijelaskan mazhab kapitalisme yang bertentangan dengan kedua-dua mazhab yang telah lalu keterangannya iaitu komunisme dan sosialisme, supaya akan bertambah terang kedudukan dasar iktisad yang telah dianjurkan oleh Islam.

Kapitalisme terdiri di atas asas kebebasan perseorang. Tujuannya yang terpenting sekali ialah menjaga masalah perseorangan dan tidak meraikan sama sekali akan masalah masyarakat. Manakala dia pula adalah bersendikan tiga perkara :

- (1)- maslahat perseorangan sebagai “tujuan”
- (2) - perlumbaan merebut kekayaan sebagai “jalan”
- (3) - kebebasan sebagai “syarat”

-----\*-----\*-----

Demikianlah asas-asas yang di atasnya terdiri mazhab kapitalisme yang sudah nyata tidak berjaya mencipta keadilan masyarakat. Malah akasnya telah mendatangkan bala bencana kepada masyarakat.

Sekarang bagaimana pendirian Islam terhadap kitab-kitab mazhab tersebut?

Adakah ia menyokong dasar hak milik perseorangan? Atau bersetuju dengan mazhab yang hendak menghapuskannya?

Adakah ia menyetujui dasar sosialisme modal sebagaimana yang sedang berjalan di Rusia atau “Sosialisme Negara” seperti yang pernah berjalan di England itu?

Tidak dapat disangkal bahawa Islam menyokong dasar hak milik perseorangan, dan susunan iktisad yang telah dibentuk oleh Islam berdasarkan modal, bahkan adalah ia terdiri di atas tiga asas sebagaimana yang telah dijelaskan di atas tadi (lihat asas-asas kapitalisme yang tiga itu – P).

Tetapi terdirinya berhak milik di dalam Islam atas asas-asas yang disebutkan ini tidak lepas bebas bahkan terikat dengan wujudnya suatu anasir yang terpenting sekali di dalam ketiga-tiga asas tersebut yang sentiasa tidak renggang daripadanya dalam tiap-tiap gerak dan arah tujuannya. Anasir ini ialah desakan yang terbitnya daripada akhlak yang baik.

Islam memang tujuannya yang terutama ialah membina suatu masyarakat bahagia, maka sekiranya masyarakat tersebut terpesong kedudukannya, maka desakan yang terbitnya daripada akhlak yang baik itulah yang akan memperbaiki kedudukannya yang terpesong itu.

Dengan demikian maka segala cacat cela dan keburukan yang berlaku kepada ketiga-tiga dasar dalam susunan iktisad yang mengenai hak perseorangan sebagaimana yang sedang terhebah di Amerika dan Eropah itu, tidak kedapatan berlaku di dalam susunan iktisad yang telah di bentuk oleh Islam, lebih-lebih lagi apabila di kenang bahawa Islam ialah suatu agama yang mempunyai tujuan yang tetap iaitu membersihkan masyarakat daripada segala yang membawa keburukan dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu menyatukan perbuatan dan akhlak dan ikhtikad, dan ia juga menentang cara memperlonggokan kekayaan, dan mengumpulkannya di dalam tangan suatu golongan yang kecil jumlahnya. Sedang Al-Quran Al-Karim menganjurkan didikan akhlak supaya manusia hidup bersaudara, bersamaan, dan berkasih sayang, serta aman damai dan tenteram.

Dan juga supaya mereka bertolong-tolongan dengan bersungguh-sungguh dan bermati-mati untuk kebajikan bersama. Kerana yang demikian itu Islam telah melunaskan suatu dasar yang teguh dan terang nyata dan telah menggalakan pemeluk-pemeluknya dalam lebih daripada puluh ayat supaya

mereka bersedekah dan berkhairat, dan telah memfardukan zakat atas orang-orang kaya untuk melagakan hidup orang-orang yang menderita (fakir miskin) bahkan sehingga Khalifah al-Muslimin Saidina Abu Bakar al-Siddiq telah memerangi orang-orang yang enggan menunaikan zakat. Demikian juga Islam telah menjadikan cara memberi makan kepada orang-orang miskin dan bersedekah kepada mereka sebagai menebus dosa.

Demikian juga aturan fasak di dalam Islam, adalah menghancurkan kekayaan dan mencayang-cayang kendi dengan cara yang tidak berlaku seumpamanya di dalam sebarang undang-undang asing.

Undang-undang Inggeris menyerahkan fasak kepada anak lelaki sulung sahaja dan memutihkan mata yang lainnya, manakala setengah daripada undang-undang yang lain mengharuskan berwasiat akan segala harta kepada sesiapa sahaja, baik orang itu menjadi waris atau tidak, sehinggakan anjing dan kucing dan lain-lain binatang pun boleh diwasiatkan.

Adapun Islam maka ia membahagikan fasak dengan cara pembahagian yang luas. Ia memberi kepada waris-waris dekat dengan pembahagian yang berlain-lain, serta tidak membenarkan yang empunya harta itu bersih dengan sekehendak hatinya, ia di benarkan berwasiat dengan sepertiga sahaja daripada hartanya itu, supaya terpelihara perimbangan iktishad, hal ini telah di jelaskan oleh Tuhan azzawajalla, firman-Nya :

– *Kilayakun baina al-aghniya minkum.* 17 Al-Hasyr.

(Supaya jangan harta itu berpusing-pusing (berlegar) di antara orang-orang kaya sahaja).

Dan sebagai penambahnya Islam telah mengharamkan “riba” supaya jangan seseorang menjadi kaya raya atas kira-kira orang lain, dan diharamkannya “judi” supaya jangan seseorang mendapat kekayaan dengan jalan nasib. Segala perkara yang demikian ini sekiranya mendapat keraian sebagaimana sikap umat Islam yang telah lalu nescaya tidak akan kedatangan seorang pun yang luput daripada senjata yang dengannya ia boleh berjuang di dalam lapangan hidup.

-----\*-----\*-----

Cara susunan iktisad yang manakah yang boleh dihitung Bersih dan adil seperti susunan iktisad yang telah dibentuk

oleh Islam?

Sungguhpun susunan iktisad Islam telah nyata keadilannya daripada yang telah dibentuk oleh komunis atau pun sosialis.

Susunan iktisad yang telah dibentuk oleh Islam adalah berasaskan modal dan mementingkan hak milik perseorangan dengan cara yang tersendiri. Islamlah yang sanggup memberi bahagia dan sejahtera kepada dunia dan ialah yang akan menjadikan seluruh manusia sebagai tubuh yang satu sekiranya satu anggotanya terus sakit maka kesakitan itu akan meliputi seluruh anggotanya yang lain.

Inilah dia sosialisme di dalam Islam, alangkah terpelantingnya seluruh mazhab yang lain yang baru dibentuk dan mudah runtuh dan rapuh?!



*Di kanan ialah Begum Hussin Malik Setiausaha Persatuan Perempuan seluruh Pakistan, anak kepada Menteri Kewangan Pakistan tatkala tiba di Singapura sedikit masa yang lalu untuk memerhati perjalanan Perhimpunan Perempuan Dunia.*